

**PEMEROLEHAN KEMAHIRAN LISAN BERDASARKAN AKTIVITI SIMULASI
BERPASANGAN**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

BY :

**AZMAN BIN CHE MAT
AHMAD ZULFADHLI NOKMAN
NOR SHAFURA MUSILEHAT
AHMAD FAKRULAZIZI ABU BAKAR**

OGOS 2020

2. Penghargaan

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya maka kami telah berjaya menyiapkan kajian ini dengan baik. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dalam masa yang diperuntukkan terutamanya kepada:

RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA

Prof. Madya Dr Mazidah Puteh
(Rektor UiTM Terengganu)

Prof. Madya Dr Khlipah Ibrahim
(Timbalan Rektor HEA)

Dr. Rosman Mahmood
(Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri serta Alumni)

Kami doakan agar segala kepercayaan dan kerjasama yang dihulurkan sepanjang penyelidikan ini dijalankan akan dibalas dengan ganjaran yang besar di sisi Allah S.W.T.

4. Laporan

4.1 Ringkasan Eksekutif Awal

Kemahiran berbahasa khususnya kemahiran lisan adalah amat penting untuk menguasai bahasa asing. Seorang pelajar mempunyai strategi pembelajaran sendiri yang boleh membantunya memperolehi kemahiran berbahasa yang cekap. Kemahiran lisan merupakan kemahiran yang sukar dicapai dengan cemerlang oleh pelajar bahasa Arab. Hal ini mungkin disebabkan kekurangan strategi atau strategi yang tidak tepat digunakan oleh pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi strategi pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti simulasi berpasangan. Adalah dijangkakan terdapat banyak strategi kemahiran lisan yang digunakan oleh peserta kajian. Oleh yang sedemikian, kajian ini bertujuan mengenal pasti strategi yang paling dominan dan kesannya kepada pencapaian pelajar. Pendekatan kualitatif telah digunakan sepenuhnya untuk mengumpul data dan membuat analisis penyelidikan. Seramai 40 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini selepas melakukan profiling ke atas setiap peserta bagi memastikan data yang diperolehi adalah sah untuk membuat rumusan dan kesimpulan. *Inventory of Language Learning Strategies (ILLS)* oleh Oxford dijadikan instrumen pengukuran data yang dikutip melalui temu bual dan pemerhatian. Analisis deskriptif dan perbandingan juga dilakukan untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini menjangkakan bahawa pendedahan strategi pembelajaran yang betul dan penjadualan sesi latihan yang berkala dapat membantu pelajar menguasai kemahiran lisan dengan cemerlang.

4.2 Ringkasan Eksekutif yang Dimurnikan

Seorang pelajar bahasa mempunyai strategi pembelajaran sendiri yang boleh membantunya memperolehi kemahiran berbahasa yang cekap. Namun kemahiran lisan merupakan kemahiran yang sukar dicapai dengan cemerlang oleh pelajar bahasa Arab. Aktiviti bahasa seperti simulasi dipercayai dapat membantu pelajar memilih dan menggunakan strategi pembelajaran kemahiran lisan dengan baik. Kajian ini bertujuan untuk mengeksplorasi strategi pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar menerusi aktiviti simulasi berpasangan. Selain itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti strategi yang paling dominan dan meneliti kesannya terhadap pencapaian kemahiran lisan pelajar. Pendekatan kualitatif telah digunakan sepenuhnya untuk mengumpul data dan membuat analisis data. Seramai empat orang tenaga pengajar dan 14 orang pelajar terlibat sebagai kumpulan terkawal. Data kajian diperolehi melalui catatan diari pensyarah berdasarkan beberapa soalan separa berstruktur semasa memulakan aktiviti simulasi sehingga aktiviti ini disempurnakan. Manakala data daripada pemerhatian pula melibatkan kumpulan terkawal yang diberi perhatian khusus terhadap hasil daripada persembahan mereka dalam aktiviti simulasi dengan menggunakan pendekatan analisis kesalahan. Kajian ini mendapati strategi yang paling dominan ialah strategi mengingat, strategi menulis dan strategi membaca. Manakala analisis kesalahan yang dilakukan ke atas peserta kajian menerusi pemerhatian mendapati kesalahan kosa kata, binaan ayat dan konteks juga masih dijumpai dalam kalangan peserta yang melakukan aktiviti simulasi.

Kandungan

1. Surat Penyerahan Laporan.....	iii
2. Surat Tawaran (Geran Penyelidikan)	iv
3. Penghargaan.....	v
4. Tajuk dan Objektif Kajian yang Dikemaskini	vi
5. Laporan	1
5.1 Ringkasan Penyelidikan yang Dikemaskini	1
5.2 Pengenalan	2
5.3 Sorotan Literatur	4
5.4 Metodologi.....	8
5.5 Hasil Kajian dan Perbincangan	11
5.6 Kesimpulan dan Cadangan	16
5.7 Bibliografi.....	20
6. Hasil Penyelidikan.....	21
7. Lampiran	22